# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884V)

***(A company Fully Owned by Minister of Finance Incorporated)***

## KENYATAAN *REQUEST FOR INFORMATION (“RFI”)* UNTUK PANEL KONTRAKTOR BAGI KERJA-KERJA KECEMASAN

MRT Corp. ingin mempelawa kontraktor (“Peserta”) yang mempunyai kelayakan serta pendaftaran berikut untuk mengambil bahagian di dalam RFI ini, bagi pakej-pakej kerja seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

| TAJUK RFI DAN PAKEJ | KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI) | PENDAFTARAN ATAS TALIAN |
|---|---|---|
| **PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1:**<br>***REQUEST FOR INFORMATION (“RFI”) FOR PANEL CONTRACTORS FOR EMERGENCY WORKS (“WORKS”)***<br>***RFI NO.: RFI/PD/Q26-2024***<br><br>**Kerja-kerja kecemasan ini dikategorikan di dalam pakej seperti berikut:** | **Kesemua Peserta hendaklah berdaftar samaada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Selangor serta memiliki sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred: G3**<br><br>**Sijil pendaftaran CIDB tersebut hendaklah mengandungi pengkhususan seperti berikut:** | Bagi menyertai RFI ini, kesemua Peserta yang berminat di dalam mana-mana pakej dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:<br><br>1. Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my;<br>2. https://forms.gle/5erLCzt9xEntBk1L8; dan<br>3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.<br><br>Pendaftaran akan bermula dari **Khamis, 5 September 2024** hingga **Selasa, 24 September 2024**. Hanya Peserta yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan di dalam mana-mana pakej yang berkenaan, akan dijemput untuk menghadiri ke sesi taklimat (sekiranya perlu). Maklumat lanjut sesi taklimat tersebut akan diberitahu kelak melalui e-mel sekiranya pendaftaran tersebut diluluskan. |
| **Pakej A: Kejuruteraan Awam** | • **CIDB: CE21; dan**<br>• **Memiliki sijil yang sah bagi orang yang dibenarkan masuk dan orang menjaga bagi ruang terkurung yang dikeluarkan oleh NIOSH atau penyedia latihan lain yang diiktiraf oleh DOSH.** | |
| **Pakej B: Bangunan** | • **CIDB: B04 & B24; dan**<br>• **Memiliki sijil yang sah bagi orang yang berkelayakan untuk bekerja selamat di tempat tinggi yang dikeluarkan oleh NIOSH atau penyedia latihan lain yang diiktiraf oleh DOSH.** | |
| **Pakej C: Elektrik (Kerja-kerja Umum)** | • **CIDB: E04, E11, & E17;**<br>• **Memiliki Borang Q, Kelas B yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan**<br>• **Memiliki sijil perakuan orang yang kompeten yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga.** | |
| **Pakej D: Elektrik (Genset)** | • **CIDB: E32;**<br>• **Memiliki Borang Q, Kelas B yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan**<br>• **Memiliki sijil perakuan orang yang kompeten yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga.** | |
| **Pakej E: Mekanikal (Penghawa Dingin)** | • **CIDB: M01; dan**<br>• **Memiliki sijil perakuan kompeten yang sah yang dikeluarkan oleh Pengeluar Peralatan Asal/Pengilang.** | |
| **Pakej F: Mekanikal (Sistem Pencegahan dan Perlindungan Kebakaran)** | • **CIDB: M02; dan**<br>• **Memiliki Sijil Pepasangan Keselamatan Kebakaran yang sah yang dikeluarkan oleh BOMBA.** | |

1. Peserta boleh memilih mana-mana pakej seperti yang disenaraikan di atas, berdasarkan kepakaran dan pengalaman kerja mereka. Peserta boleh memilih untuk menyertai hanya satu pakej sahaja atau menyertai beberapa pakej yang berkenaan.
2. Dokumen RFI akan diberikan kepada Peserta yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan
3. Peserta wajib menyerahkan dokumen RFI yang sudah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam dokumen RFI tersebut.
4. Tarikh serahan bagi dokumen RFI adalah pada **Isnin, 30 September 2024 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Peserta lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
5. Dokumen RFI yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk, pakej yang dipilih serta nombor RFI di bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

   **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd**
   **Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),**
   **Tingkat 6, Menara I&P 1,**
   **No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,**
   **50490 Kuala Lumpur.**

6. Selain daripada syarat-syarat di atas, Peserta **WAJIB** memenuhi **Kriteria Kewangan Mandatori** seperti berikut:

| KRITERIA KEWANGAN (MANDATORI) |
|---|
| Peserta hendaklah mengemukakan bukti fasiliti kewangan bagi melaksanakan kerja. |

**Nota:**

1. Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
2. MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Peserta tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Peserta mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Peserta terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
3. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFI ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada **procurement@mymrt.com.my**. Peserta boleh melayari laman web kami di **www.mymrt.com.my** untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.